

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai disekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca- P



(khas bagi majalah Qalam- tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*

-----*-----*

-----*-----*

Jalal Muhammad, Kampung Jawa Road, Singapura
bertanya: Apa hukumnya bersedekah kepada orang yang tidak mengerjakan perintah Allah seperti sembahyang dan lain-lainnya?

Jawab: sedekah yang dikehendaki oleh Islam ialah menolong orang miskin atau orang yang kesusahan supaya dengannya dapat ia lapang hidupnya dengan senang dan gembira. Agama memerintah kita bersedekah kepada sesiapa sahaja yang dirasa perlu dengan tidak membezakan antara bangsa ini dan bangsa itu yang mengerjakan ibadah atau tidak. Ada beberapa ayat dan hadith yang menggalakkan supaya kita bersedekah dan bermurah hati tetapi tidak ada satupun yang menegah kita memberi orang yang tidak berbuat ibadat bersedekah kepada orang yang tidak beribadat itu adalah dikehendaki timbul suatu harapan orang ini akan bersyukur kepada Allah yang akhirnya akan menggerakkan hatinya kepada pekerjaan-pekerjaan yang ditangguhkan di atas mengikut perintah-perintah Allah.

Kepada orang Kafir pun – yang terang-terang menjadi seteru kita dibenarkan kita bersedekah sebagaimana yang diriwayatkan (maksudnya) : bahawasanya beberapa orang sahabat nabi telah bertanya: “Bolehkah kita bersedekah kepada orang yang tidak seagama dengan kita?” pada ketika itu Allah menurunkan ayat (maksudnya) : “Bukan (kewajipan) kamu memimpin mereka tetapi Allah yang memimpin sesiapa sahaja yang ia kehendaki; dan apa-apa yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) itu, adalah untuk diri kamu – dan tidak boleh kamu belanjakan suatu melainkan kerana mencari.

keredhaan Allah – dan apa-apa yang kamu belanjakan, akan disempurnakan balasannya kepada kamu serta kamu tidak akan dinilai” – Al-Baqarah ayat 272.

Maksud ayat yang tersebut ini menunjukkan bahawa kita tidak diwajibkan memimpin orang-orang kafir kerana bukan urusan kita. Allah hanya menyuruh sampaikan kepada mereka perintah-perintahnya dan tegahan-tegahannya. Balasan derma yang kita keluarkan bagi seseorang adalah bagi kita sendiri. Kita tidak boleh berderma melainkan semata-mata kerana Allah kerana itu apa jua yang kita dermakan walau kepada orang kafir yang kita harap supaya ia masuk Islam, akan dibalas oleh Allah sebagaimana mestinya.

Daripada yang tersebut ini difahamkan oleh ulama-ulama bahawa sedekah yang boleh diberi kepada orang kafir ialah sedekah sunat – tidak sedekah wajib seperti zakat harta dan zakat fitrah. Tetapi pendapatan ulama ini tidak ada didapati keterangan yang nyata daripada agama menyatakan demikian bahkan menurut pendapatan Imam Hanafi zakat fitrah itu tidak boleh kita berikan kepada orang kafir. Tetapi dengan tidak ada tegahan yang tepat ke atasnya itu tidaklah bermakna bahawa kita lebih baik bersedekah kepada orang kafir- ini sekali-kali tidak. Kita mesti insaf bahawa sekarang kita di dalam kekurangan dan di dalam serba kurang dan tidak berkemajuan yang boleh dimegahkan di dalam dunia ini menunjukkan ketinggalan Islam. Tidak ada orang yang menolong kita (daripada orang lain) dan oleh yang demikian maka patuh kita bersedekah kepada orang kita terlebih dahulu daripada orang lain.

Emas Dato' Keramat Road, Pulau Pinang bertanya: Bagi negeri-negeri Islam kalau seseorang duta bangsa-bangsa asing datang ke negerinya biasanya diadakan minuman selamat seperti Indonesia, Mesir, dan lain-lain lagi. Minuman apa yang digunakan pada masa itu? Dan apakah hukumnya pada sisi agama Islam?

Jawab: Meraikan seseorang dif itu adalah dikehendaki walaupun ia daripada orang asing. Seorang Islam berkewajipan menghormati orang yang datang dan dikehendaki meraikannya. Rasulullah sendiri telah pernah berdiri daripada tempat duduknya menyambut ketibaan seorang tua Yahudi. Negeri-negeri yang berdasarkan Islam pada masa ini harus Pakistan, Saudi Arab dan Yaman. Sepanjang yang diketahui bahawa di Pakistan tidak ada minuman-minuman keras untuk jamuan-jamuan kepada orang-orang asing. Ada pun Indonesia dan Mesir maka pemerintahannya bukan pemerintahan berdasarkan Islam sekalipun yang terbanyak penduduknya ialah orang Islam. Oleh yang demikian jika ada sesuatu yang terjadi kita tidak dapat meletakkan yang demikian itu sebagai kedudukan negeri Islam.

-----*-----*-----

Salleh Muhammadun, Kukap Johor bertanya: Ali telah berniat katanya kalau anaknya baik sakit ia akan menghantarkan niat pulut kuning sepinggan, ayam seekor di kerumah Maryam umpamanya tiba-tiba anaknya itu baik daripada penyakit itu lalu disempurnakannya. – Apa hukumnya ia mempercayakan itu?

Jawab: Allah telah berfirman maksudnya: Dan sebahagian daripada manusia ada yang memandang beberapa andad sebagai Allah; mereka cintai (yang tersebut itu) sebagaimana cinta mereka kepada Allah, tetapi orang-orang beriman itu sangat cintai kepada Allah – Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 165.

Menurut kata ahli tafsir Andad itu ialah orang-orang atau sesuatu yang dimintai satu hajat, yang tidak didapati kalau tidak daripada tuhan. Menurut ayat itu adalah disangka bahawa seorang telah percaya kepada Allah walaupun ia minta-minta kepada yang lain ia tidak akan jadi musyrik.

Tetapi jika diniatnya lain daripada Allah dan mempercayai

yang demikian itu semata-mata maka ia akan dipandang sebagai musyrik oleh kerana jika kita perhati pengajaran-pengajaran agama Islam bahawa yang menjadikan musyrik itu ialah seorang yang menyediakan sesuatu untuk meminta satu hajat (maksud) yang tidak didapati melainkan daripada Allah, seperti meminta bantuan kepada kubur, guru, tempat-tempat keramat supaya tertolak daripada penyakit daripada atau mendapat kesenangan dan bahagia.

-----*-----*-----

Embong bin Ah, Zainal Abidin Sakul, Kuala Terengganu bertanya: Adakah bintang-bintang filem Melayu samada di Malaya atau di Indonesia berpegang teguh dengan perjalanan agama Islam seperti menunaikan sembahyang, puasa dan sebagainya?

Jawab: Sepanjang yang diketahui bahawa kebanyakan daripada mereka itu tidak menunaikan perkara-perkara yang tersebut dan jika adapun, sepanjang pengetahuan kita, hanya harus satu dalam seratus. Di sebalik itu pekerjaan-pekerjaan yang dijalankan oleh pelakon-pelakon itu adalah melanggar bahagian yang utama daripada hukum-hukum pergaulan Islam diantara lelaki dan perempuan.

-----*-----*-----

Haji Mahfuz bin Haji Ismail, Parit Yusof, Batu Pahat, Semarah bertanya: Jika ada sebuah masjid yang hadir sembahyang Jumaat tiada cukup 40 orang atau 41 orang - umpamanya 12 orang – bolehkah kita menjalankan sembahyang Jumaat dengan tidak cukup 40 orang itu? Pada hal wajib menunaikan fardu Jumaat?

Jawab: Pada mazhab Imam Syafie sahaja yang meletakkan Jumaat itu wajib 40 orang ada suatu hadith yang berkata (maksudnya) telah berkata Kaab bahawa Malik bin Anas pernah berkata – yang pertama orang yang sembahyang Jumaat dengan kita di Madinah ialah Saad bin Zarahar iaitu sebelum tiba Nabi (SAW) di Madinah, di Naki' Al-Hadmat (sebuah kampung berdekatan dengan Madinah) kemudian saya bertanya: berapa bilangan kamu (masa itu?) jawabnya: empat orang lelaki. Hadith ini dikatakan hadith Hasan diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi dan lain-lainnya dengan isnad-isnadnya sahah tetapi selain daripada itu diriwayatkan juga

oleh Ibnu Majah dan Ibnu Hibban. Tetapi ada pendapat yang menyatakan bahawa hadith itu tidak bersih. Ada pendapat lain yang menyatakan tidak ada suatu keterangan bahawa hadith itu hanya menunjukkan jawab kepada suatu pertanyaan berapa orang sembahyang pada masa itu dan dijawab 40 orang

Ada suatu riwayat menyatakan bahawa Umar ibnu Al-Khattab telah menulis surat kepada penduduk-penduduk Bahrin bahawa hendaklah mereka itu mendirikan Jumaat di mana-mana mereka berada. Dengan tidak ada nas daripada Al-Quran dan Hadith yang tepat maka pihak ini berpendapat boleh diadakan Jumaat walaupun tidak mencukupi bilangan 40 orang

-----*-----*-----

Mokhtar bin Hashim, Kampung Tanjung, Nisan Empat, Kuala Terengganu bertanya.: Sebab apa diadakan Jambori Pengakap-pengakap dan Gerila Gaid seluruh dunia melain di Australia pada hal negeri yang besar daripada Australia dan sebagainya tidak diadakan?

Jawab: Sepanjang pengetahuan kita Jambori Pengakap itu tidak diadakan pada suatu tempat sahaja, dari semasa ke semasa bertukar-tukar tempat iaitu setelah disetujui oleh ketua-ketua pengakap itu.

-----*-----*-----

Sadiq bin Abdullah, Beris, Kubur Besar, Bachok, Kelantan bertanya: Apa hikmah Tuhan menjadi dan mendirikan Kaabah (Baitullah) itu di Makkah pada hal Makkah itu tidak makmur dan kurang rehat bagi kehidupan manusia-lain-lain negeri lebih subur lebih makmur, lebih rehat seperti di India, Pakistan dan lain-lainnya?

Jawab: Kalau kita pandang tawarikh didatangkan Rasulullah (SAW) maka dengan sendirinya kita akan berkata bahawa diturunkan agama Islam yang dibawanya di negeri itu ialah supaya diasaskan hukum-hukumnya untuk dijalankan oleh manusia di dalam keadaan yang sekurang-kurangnya. Umpamanya atas perkara air sekiranya dibuat atau diasakan hukum air itu di dalam tempat seperti di negeri kita ini maka betapa halnya di dalam negeri-negeri yang kering seperti

di Makkah? Dan sebab itulah jika kita perhati segala hukum air itu diadakan dengan sebegitu sempurna. Iktibarlah kepada lain-lain perkara dan menurut pandangan kita inilah dia hikmahnya yang sebenar mengapa Kaabah itu diletakkan di sana.

-----*-----*-----

Abdul Rahman bin Abdullah, Pasir Putih Kelantan bertanya: Seorang mati pada hari ini umpamanya kemudian kuburnya ditunggu pada malam dengan membaca Al-Quran dan berzikir dan memasak-masak makanan serta berbual-bual- adakah dibuat pada masa Nabi dan sahabat-sahabatnya?

Jawab: Sepanjang riwayat yang demikian itu tidak dibuat oleh Nabi. Segala bacaan-bacaan zikir, tahlil atau pun membaca Quran dan lain-lain amalan yang dibuat oleh orang yang hidup tidak sampai kepada si mati bahkan perbuatan itu sesia belaka. Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) apabila mati anak Adam maka putuslah amalannya dikecualikan tiga perkara. Pertama sedekah jariah (wakafnya), kedua amal yang diambil orang manfaat daripadanya dan yang ketiga anak yang soleh mendoakannya – hadith sahah riwayat Abu Daud. Maksud hadith ini bahawa si mati tidak akan mendapat tambahan amalannya selain daripada tiga perkara-perkara yang tersebut iaitu perkara-perkara yang terbit daripada usahanya sendiri- bukan daripada orang lain.

Allah telah berfirman (maksudnya) dan sesungguhnya manusia tidak akan dapat (balasan) melainkan apa yang diusahakannya sendiri – Al-Quran Surah Al-Najm ayat 39.

Firman Allah lagi (maksudnya) “Maka pada hari (kiamat) ini tidaklah seseorang akan dianiyai sedikit jua pun dan kamu tidak dibalas dikecualikan apa yang telah kamu kerjakan”. (Al-Quran Surah Yaasin ayat 45)

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut di atas ini maka sudah terang bahawa seseorang tidak akan mendapat, selain daripada usahanya sendiri dan tidak ada ditunjukkan bahawa seseorang boleh menebus dosa seseorang yang lain. Tidak ada keterangan-keterangan dan riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabat ada membuat atau melakukan yang demikian itu.

demikian juga tidak ada keterangan di dalam agama umpamanya membaca seribu Al-Fatihah akan menghilangkan semua dosa-dosanya atau akan memberi ampun kepada orang yang lain.

Sungguhpun ada hadith-hadith tentang anak boleh mengajikan ayahnya dan tentang orang hidup bersedekah kepada orang yang telah mati tetapi hadith-hadith itu dipandang orang tidak sohih oleh kerana berlawanan dengan Al-Quran yang cukup terang seperti yang tersebut di atas.

-----*-----*-----

Ahmad Mahir Bandar Kuala Lumpur dan beberapa orang lagi bertanya: Ada risik-risik mengatakan bahawa Coca Cola dan Pepsi Cola diperbuat daripada campuran yang mengandungi alkohol dan benda-benda yang memabukkan – betulkah begitu?

Jawab: Masalah ini ialah masalah yang berkehendak kepada penyelidikan daripada Jabatan Penyiasatan untuk menentukan benda yang terkandung di dalam minuman itu. Jika kita bertanya kepada jabatan yang mengeluarkan itu tentulah tidak memuaskan penyoal-penyoal untuk mensabitkan adakah benar sangkaan-sangkaan yang tersebut.

Tetapi rupanya masalah ini telah heboh pula ditanya di Mesir di dalam mana Pepsi Cola dan Coca Cola adalah minuman yang sangat digemari di sana yang mana mereka telah mendatangkan pertanyaan juga berkenaan dengan kedua-dua minuman itu di dalam mana ada yang menyatakan bahawa air itu bercampur dengan mekdhah babi dan benda-benda yang memabukkan sehingga ada ulama-ulama yang mengharamkan kedua-duanya diminum. Dengan kerana hal yang tersebut pertanyaan-pertanyaan telah bertalu-talu didatangkan kepada Majlis Fatwa al-Azhar dan dengan kerana itu al-Azhar telah mengeluarkan suatu fatwa berkenaan dengannya seperti berikut:

“Alhamdulillah Rabbi Aalamin wassolatu wasalamu ala Saidina Al-Mursalin Saidina Muhammad wa ala ahli wa sohbihi ajamain.

“Lajnah A-Fatwa di Al-Azhar telah menerima banyak pertanyaan perihal minuman Pepsi Cola dan Coca Cola. Mereka yang bertanya ini mengatakan bahawa telah ada orang yang mengeluarkan fatwa mengharamkan kedua-dua minuman yang tersebut

kerana Pepsi Cola ada mengandungi campuran pati yang telah diperah daripada mekdhah babi manakala Coca Cola pula mengandungi campuran benda-benda yang memabukkan.

“Oleh itu maka Lajnah berpendapatan tidak akan mengutarakan fatwa berkenaan kedua-dua minuman ini sebelum mendapat tahu keputusan penyiasatan “Jabatan Menteri Kesihatan” terhadap kepada benda-benda yang daripadanya diperbuat minuman yang tersebut iaitu setelah diuji di dalam kilang penyiasatan jabatan itu. Yang Di Pertua Lajnah kemudiannya telah menerima hasil penyiasatan Jabatan Menteri Kesihatan yang bunyinya demikian- kilang penyiasatan jabatan ini telah menyiasat air minuman Pepsi Cola dan Coca Cola dan pendapatannya begini: Kedua-dua minuman itu tidak mengandungi minuman yang memabukkan atau alkohol dan tidak mengandungi juga “pepsin” iaitu air perahan dari ma’dah babi; dan tidak pula mengandungi benda-benda yang merosakkan kesihatan am- sekian penyiasatan jabatan itu.

“Daripada kenyataan ini nyatalah di sana tidak ada sebab yang menjadikan kedua-dua minuman itu haram, kerana sebab-sebab yang mendatangkan haram ialah kerana mabuk atau menghilangkan perasaan, atau najis ataupun merosakkan kesihatan am. Setelah disiasat benda-benda yang tersebut tidak didapati didalam kedua-dua minuman itu dan demikian juga tidak didapati dan tidak ada wujudnya benda najis yang diperah daripada mekdhah babi. Dengan mengetahui pendapatan itu maka menurut pendapatan syarak adalah hukunya tidak haram.

“Atas keterangan yang dibentangkan itu maka Lajnah berpendapatan bahawa air minuman Pepsi Cola dan Coca Cola tidak haram- wa allhu ‘alam.” - Yang Dipertua Jabatan Lajnah al-Fatwa Muhammad Abdul Fattah al-Anani Mesir bertarikh 21 Zulhijjah 1370- 23 Disember 1951.

Kita percaya dengan keterangan-keterangan yang tersebut diatas ini akan memuaskan penyoal dan menyenangkan pembaca.